

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP
[MERBOK]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan dalam usaha dekriminalisasi membunuh diri serta pindaan atau memansuhkan Seksyen 309 Kanun Keseksaan yang menghukum mereka yang terselamat dari cubaan membunuh diri akan menjalani hukuman penjara sehingga setahun, denda atau kedua-duanya sekali jika disabit kesalahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara mengambil inisiatif untuk mengkaji undang-undang berkenaan dengan kesalahan persubahatan dan percubaan membunuh diri di Malaysia. Ini kerana berdasarkan statistik sehingga 2015, insiden percubaan membunuh diri semakin meningkat dan meliputi pelbagai peringkat umur. Percubaan membunuh diri berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor. Oleh yang demikian, pendekatan yang lebih holistik perlu diambil untuk mengekang perbuatan tersebut.

Kajian ini meliputi dua bahagian, dimana bahagian pertama kajian ini ditumpukan kepada kesalahan percubaan membunuh diri di bawah seksyen 309 Kanun Keseksaan. Manakala bahagian kedua kajian ditumpukan kepada kesalahan persubahatan membunuh diri di bawah

seksyen 305 dan 306 Kanun Keseksaan. Pada masa kini, bahagian pertama kajian ini sedang dalam peringkat rundingan dengan pihak yang berkepentingan.

Jabatan Peguam Negara juga sedang menimbangkan cadangan daripada pihak berkepentingan untuk mengeluarkan percubaan membunuh diri daripada sistem keadilan jenayah dan memasukkan orang yang membuat percubaan membunuh diri ke dalam sistem rawatan kesihatan bagi mendapatkan rawatan yang sewajarnya. Kajian juga turut melihat perbandingan peruntukan undang-undang mengenai percubaan untuk membunuh diri di United Kingdom, New Zealand, India dan Singapura.

Sekian, terima kasih.